



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**17 Mei 2009**

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga pukul 8.00 pagi, 17 Mei 2009 Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima sebanyak 102 kes yang telah dinotifikasi dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, hanya dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) manakala 100 kes disahkan bebas dari Influenza A(H1N1).

Sebagaimana yang telah diumumkan pada 16 Mei 2009, kes pertama telah disahkan pada 15 Mei 2009. Beliau masih lagi di Hospital Sungai Buluh dan berada dalam keadaan stabil, tidak ada batuk, sakit tekak dan hanya mengalami demam sedikit serta meneruskan rawatan. Keluarga beliau telah diletakkan dibawah "home quarantine" dan buat masa ini adalah sihat.

Kes kedua telah disahkan pada 16 Mei 2009 yang merupakan rakan seuniversiti kes pertama dan balik ke Malaysia menggunakan pesawat yang sama dengan kes pertama iaitu pesawat MH 091 pada 13 Mei 2009. Keadaan terkini, beliau tidak mengalami demam dan tidak ada simptom-simptom lain, dan masih lagi di Hospital Pulau Pinang untuk meneruskan rawatan. Sementara itu, empat (4) ahli keluarga beliau

telah diletakkan dibawah “home quarantine” dan buat masa ini adalah sihat.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan tindakan proaktif dengan berusaha untuk menyiasat kesemua kontak yang ada bersama di dalam pesawat yang telah membawa kedua-dua pesakit. Semua krew pesawat iaitu seramai 15 orang telah diletakkan di bawah “home quarantine” dan buat masa ini adalah sihat. Daripada 192 penumpang, 73 telahpun meneruskan perjalanan ke negara masing-masing. Kementerian Kesihatan telah memaklumkan kepada WHO mengenai penumpang-penumpang ini untuk tindakan negara masing-masing. Seramai 119 penumpang yang terdiri daripada 81 warganegara Malaysia dan selebihnya dari luar negara masih di negara ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 3 penumpang telah dimasukkan ke Hospital (termasuk 2 kes yang telah disahkan), sementara 95 kes (80 warganegara dan 15 warganegara asing) telah dikesan dan diletakkan di bawah “home quarantine” dan buat masa ini berada dalam keadaan sihat. Sementara itu, 24 kes (1 warganegara dan 23 warganegara asing) masih lagi dalam pengesanan.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga ingin mengesahkan bahawa kes kedua yang telah disahkan positif telah mengambil penerbangan menggunakan pesawat AK 5358 dari LCCT, Sepang ke Pulau Pinang pada pukul 11 pagi 13 Mei 2009. Pesawat tersebut telah membawa sejumlah 102 penumpang dan 5 orang krew. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat maklumat mereka dan telah memaklumkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk membuat lawatan pemantauan bagi tujuan ‘home quarantine’. Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan para penumpang serta kakitangan penerbangan MH 091 dan AK 5358 yang terbabit, agar memberikan kerjasama

dengan pihak kesihatan dengan menghubungi Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200 / 03-88810300 dan mematuhi langkah-langkah kawalan serta mematuhi nasihat yang diberikan iaitu "home quarantine". Anggota kesihatan akan melaksanakan pemantauan di rumah.

Untuk semalam, sehingga jam 8.00 pagi 17 Mei 2009, Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 18 notifikasi kes. Daripada jumlah tersebut, 12 kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, dan masing-masing satu (1) kes telah dimasukkan ke Hospital Kangar, Hospital Alor Star, Hospital Umum Kuching, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu dan Hospital Pulau Pinang. Semua kes telah disahkan negatif influenza A(H1N1) oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Sehingga 17 Mei 2009 jam 8.00 pagi Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sebanyak 38 buah negara terjejas dengan influenza A(H1N1) iaitu meningkat sebanyak 3 buah negara berbanding hari sebelumnya. Negara baru yang terlibat adalah Turki, India dan Peru, masing-masing dengan satu (1) kes. Kumulatif kes adalah sebanyak 8,468 kes influenza A(H1N1) disahkan oleh ujian makmal dengan peningkatan sebanyak 520 kes berbanding dengan laporan pada hari sebelumnya. Peningkatan ini dilaporkan di 14 buah negara iaitu di Kanada (496), Mexico (2,895), Sepanyol (103), United Kingdom (82), Panama (43), Belgium (2), Australia (7), Sweden (3), Malaysia(2), Belgium (4), Japan (7) dan masing-masing satu (1) kes di Turki, India dan Peru. Terdapat enam (6) lagi kematian dilaporkan di Mexico menjadikan keseluruhan kematian kepada 72 orang.

Pada 16 Mei 2009, sebanyak 9,966 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 8,375 (84%) orang disaring di pintu masuk udara, 511 (5.2%) di pelabuhan dan 1,080 (10.8%) di pintu masuk darat. Tiga penumpang yang disaring di KLIA telah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh bagi tujuan penyiasatan. Sehingga 16 Mei 2009, kumulatif penumpang udara yang telah disaring di semua pintu masuk adalah seramai 103,536 orang.

Kementerian Kesihatan akan terus memaklumkan orang ramai mengenai situasi semasa wabak ini di seluruh dunia khususnya di Negara-negara yang dilanda influenza A(H1N1). Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

KKM sekali lagi ingin menegaskan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang dengan situasi influenza A(H1N1) di negara ini. KKM dengan kerjasama semua agensi terlibat sentiasa meningkatkan pemantauan dan giat mengambil tindakan proaktif bagi mengawal situasi influenza A(H1N1) dinegara ini.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 17 Mei 2009

## Lampiran 1

### SENARAI NEGARA TERJEJAS INFLUENZA A(H1N1) YANG DILAPORKAN OLEH WHO SEHINGGA 16.05.2009, GMT 24:00 BERSAMAAN 17.05.2009, 8.00 PAGI MALAYSIA

Bil	Negara	16 Mei 2009			17 Mei 2009			Pertambahan	
		Bil kes	Kematian	Kadar Kematian	Kes	Kematian	Kadar Kematian	Kes	Kematian
1	Argentina	1	0	0	1	0	0	0	0
2	Australia	1	0	0	1	0	0	0	0
3	Austria	1	0	0	1	0	0	0	0
4	Belanda	3	0	0	3	0	0	0	0
5	Belgium	2	0	0	4	0	0	2	0
6	Brazil	8	0	0	8	0	0	0	0
7**	China	2	0	0	2	0	0	0	0
	Hong Kong	2	0	0	2	0	0	0	0
8	Colombia	10	0	0	11	0	0	1	0
9	Costa Rica	8	1	12.5%	9	1	11.1%	0	0
10	Cuba	3	0	0	3	0	0	0	0
11	Denmark	1	0	0	1	0	0	0	0
12	El Salvador	4	0	0	4	0	0	0	0
13	Finland	2	0	0	2	0	0	0	0
14	Germany	14	0	0	14	0	0	0	0
15	Guatemala	3	0	0	3	0	0	0	0
16	India	0	0	0	1	0	0	1	0
17	Ireland	1	0	0	1	0	0	0	0
18	Israel	7	0	0	7	0	0	0	0
19	Italy	9	0	0	9	0	0	0	0
20	Japan	4	0	0	7	0	0	3	0
21	Kanada	449	1	0.2%	496	1	0.2%	47	0
22	Malaysia	1	0	0	2	0	0	1	0
23	Mexico	2446	60	2.5%	2998	66	2.2%	449	6
24	New Zealand	9	0	0	9	0	0	0	0
25	Norway	2	0	0	2	0	0	0	0
26	Panama	40	0	0	43	0	0	3	0
27	Perancis	14	0	0	14	0	0	0	0
28	Peru	0	0	0	1	0	0	1	0
29	Poland	1	0	0	1	0	0	0	0
30	Portugal	1	0	0	1	0	0	0	0
31	Republic Korea	3	0	0	3	0	0	0	0
32	Sepanyol	100	0	0	103	0	0	3	0
33	Sweden	2	0	0	3	0	0	1	0
34	Switzerland	1	0	0	1	0	0	0	0
35	Thailand	2	0	0	2	0	0	0	0
36	Turkey	0	0	0	1	0	0	1	0
37	UK	78	0	0	82	0	0	4	0
38	USA	4714	4	0.1%	4714	4	0.1%	0	0
	<b>JUMLAH</b>	7948	66	0.8%	8468	72	0.9%	520	6

\*Negara baru yang disah terjejas dengan influenza A(H1N1)

\*\*Hong Kong (SAR) dan China (Tanah Besar) dikira sebagai satu negara.